Pusingan ke-6 daripada siri AUTOBACS SUPER GT 2010 telah diadakan di litar Suzuka pada tarikh 22 Ogos, dan kelas GT500 dimenangi oleh Ralph Firman, Yuji Ide dan Takashi Kobayashi dari pasukan ARTA HSV-010

THE 39TH INTERNATIONAL POKKA GT SUMMER SPECIAL

Untuk pasukan ARTA HSV-010, ini adalah kemenangan pertama mereka sejak pusingan terakhir musim lalu di Motegi. Bagi jentera GT HSV-010 Honda, ini adalah kemenangan ketiga musim ini, menang seterusnya dalam pusingan 2 di Okayama dan pusingan 5 di Sugo.

"Ini benar-benar hebat!, Saya sangat lega dengan kemenangan ini" kata Ralph Firman

Pasukan ARTA HSV-010 memulakan musim yang sukar setakat ini tanapa sebarang kemenangan tetapi jentera GT HSV-010 Honda telah menunjukkan prestati hebat sejak kebelakangan ini

"Kerana ini adalah jentera baru kami tahun ini, amat penting untuk mendapatkan kemenangan pertama, dan sekarang kami telah membuat langkah penting" kata Firman yang sebelum ini pernah memandu Formula 1 bersama pasukan Jordan.

62-63 super gt 2.indd 2 8/9/2010 10:58:56 AM

Bagi Yuji Ide, ini adalah sumbangan manisnya sejak menyertai pasuka ATRA dibawah pimpinan Aguri Suzuki.

“Sejak bergabung dengan pasukan ARTA tahun ini, saya tidak dapat memberikan sumbangan pada keputusan perlumbaan yang baik, jadi saya sangat ingin menang di sini” katanya

Dalam kelas GT300 pasukan R&D SPORT LEGACY B4 yang dipandu Tetsuya Yamano dan Kota Sasaki muncul juara. Bermula dari kedudukan grid ke-11 pada kelas GT300, pasukan bekerja keras memintas satu demi satu lawannya dan akhirnya mendahului perlumbaan kelas GT300 apabila melakukan ‘pitstop’ terpantas di ‘pitstop’ terakhir.
Ini adalah podium pertama mereka yang turut juga kemenangan sulung dalam kelas GT300

62-63 super gt 2.indd 3 8/9/2010 10:59:05 AM